



**CUKAI JUALAN 2018**

**PANDUAN  
PERMOHONAN SIJIL PENGEQUALIAN  
CUKAI JUALAN DI BAWAH BUTIRAN  
65, JADUAL A PERINTAH CUKAI  
JUALAN (ORANG YANG  
DIKEQUALIKAN DARIPADA  
PEMBAYARAN CUKAI) 2018**

**Diterbitkan oleh:**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)  
Putrajaya**

**01 Januari 2023**

## **Penerbitan**

Tarikh: 01 Disember 2022

## **Notis Hakcipta**

Hak Cipta 2022 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## **KANDUNGAN**

<b>1. PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
<b>2. SYARAT-SYARAT PENGEQUALIAN CUKAI JUALAN.....</b>	<b>1</b>
<b>3. PERMOHONAN PENDAFTARAN ID (<i>SIGN UP</i>) DI SISTEM MySST DAN eVTEMS.....</b>	<b>3</b>
<b>4. TATACARA PERMOHONAN SIJIL PENGEQUALIAN CUKAI JUALAN.....</b>	<b>3</b>
<b>5. PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEMBELIAN.....</b>	<b>4</b>
<b>6. PROSEDUR PERMOHONAN PELEPASAN SEKATAN PINDAH MILIK.....</b>	<b>5</b>

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Panduan ini disediakan untuk membantu *haulage operator* yang disahkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam urusan permohonan sijil pengecualian cukai jualan di bawah butiran 65 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (PCJ(P)) 2018 di Malaysia.
- 1.2 Barang yang layak untuk diberikan pengecualian cukai jualan di bawah butiran ini adalah *prime mover* dan *container trailer* tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 1.3 Mulai 1 Januari 2023, permohonan sijil pengecualian cukai jualan ini hendaklah dibuat melalui sistem MySST dan *Vehicles Tax Exemption Monitoring System* (eVTEMS).
- 1.4 Satu permohonan sijil pengecualian cukai jualan adalah untuk satu unit *prime mover* atau *container trailer* sahaja.

## 2. SYARAT-SYARAT PENGEQUALIAN CUKAI JUALAN

- 2.1 Orang yang diberi pengecualian cukai jualan di bawah butiran ini adalah *haulage operator* yang disahkan oleh MIDA.
- 2.2 Barang yang mendapat pengecualian cukai jualan ialah *prime mover* di bawah subkepala 8701.21.9000, 8701.22.9000, 8701.23.9000, 8701.24.9000 dan 8701.29.9000 dan *container trailer* di bawah subkepala 8716.39.4000, 8716.39.9100, 8716.39.9900 dalam Perintah Duti Kastam (PDK) yang sedang berkuatkuasa.
- 2.3 Mana-mana *haulage operator* yang disahkan MIDA hendaklah mematuhi syarat-syarat di bawah bagi menikmati pengecualian cukai jualan:
  - a. *Prime mover* itu mesti digunakan untuk tujuan mengangkut *container trailer*;
  - b. *Container trailer* mesti digunakan secara langsung untuk operasi *haulage*;
  - c. *Prime mover* dan *container trailer* hendaklah dibeli daripada pengilang

berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018;

- d. *Prime mover* dan *container trailer* yang dibeli adalah baharu dan tidak pernah digunakan (*unused*);
- e. *Haulage operator* hendaklah mengemukakan dokumen sah Surat Tawaran Kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan Kelas Pembawa A Bagi Kontena yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk Semenanjung Malaysia atau Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (CVLB) bagi Sabah dan Sarawak;
- f. Untuk penggantian *prime mover* atau *container trailer*, *haulage operator* mesti mengemukakan dokumen sah Surat Pemberitahuan Kelulusan Ubahsyarat Ganti Kenderaan Bagi kelas Lesen Pembawa A Bagi Kontena yang dikeluarkan oleh JPJ untuk Semenanjung Malaysia atau CVLB untuk Sabah dan Sarawak;
- g. *Haulage operator* hendaklah membayar apa-apa duti/cukai yang kena dibayar ke atas barang-barang yang digantikan;
- h. *Container trailer* dan *prime mover* tidak dijual, dipindah atau dieksport tanpa kebenaran Ketua Pengarah Kastam;
- i. *Haulage operator* hendaklah membayar keseluruhan cukai ke atas *prime mover* dan *container trailer* yang tidak dapat diakaunkan;
- j. Bagi tujuan pelupusan, pindah milik, jualan, eksport atau derma ke atas *prime mover* atau *container trailer* yang telah mendapat pengecualian cukai, *haulage operator* hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kastam tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - i. *Prime mover* atau *container trailer* yang berusia kurang 10 tahun dari tarikh pembelian:
    - (A) *Haulage operator* hendaklah membayar semua cukai berdasarkan deskripsi (item) barang dan kadar duti/cukai berdasarkan Perintah Duti Kastam dan Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) yang sedang berkuatkuasa; dan

- (B) Bagi *prime mover* atau *container trailer* yang dijual sebagai *scrap* sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, *haulage operator* hendaklah membayar duti/cukai berdasarkan kadar duti/cukai di bawah kod tarif *scrap* (jika berkenaan).
- ii. Bagi *prime mover* atau *container trailer* yang telah mencapai usia 10 tahun atau lebih, *haulage operator* adalah dikecualikan daripada membayar balik duti/cukai yang telah diberi pengecualian tersebut.
- k. Apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

### 3. PERMOHONAN PENDAFTARAN ID (*SIGN UP*) DI SISTEM MySST DAN eVTEMS

- 3.1 Pemohon baharu di bawah Jadual A PCJ(P) 2018 dikehendaki *sign up* dalam sistem MySST sebagai pengguna *non-registrant* untuk kali pertama (*one time registration*) bagi mendapatkan akses ID. Prosedur permohonan *sign up* sebagai *non-registrant* adalah seperti di pautan <https://mysst.customs.gov.my/AboutExemption>.
- 3.2 Pemohon baharu bagi sistem eVTEMS dikehendaki membuat permohonan pendaftaran untuk mendapatkan akses ID. Pemohon boleh merujuk kepada Manual Pengguna (Syarikat) seperti di pautan <https://evtems.customs.gov.my>.
- 3.3 Keputusan permohonan ID akan dimaklumkan melalui emel yang didaftarkan.

### 4. TATACARA PERMOHONAN SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN

- 4.1 Pemohon yang telah mempunyai akses ID sebagai *non-registrant* di bawah Jadual A PCJ(P) 2018 boleh terus *log in* ke dalam sistem MySST .
- 4.2 Apabila pemohon menghantar permohonan sijil pengecualian cukai jualan di MySST:
  - 4.2.1 Permohonan akan berstatus *pending approval*.
  - 4.2.2 Satu mesej *pop up* mengandungi '*application no.*' akan terpapar yang akan digunakan semasa mengisi permohonan dalam sistem eVTEMS.

4.2.3 Terima emel pemakluman status *pending approval*, *application no.* dan *hyperlink* ke sistem eVTEMS.

- 4.3 Untuk melengkapkan permohonan sijil pengecualian, pemohon hendaklah *log in* ke sistem eVTEMS dan memasukkan 'application no.' seperti di para 4.2.2 di ruang 'No. Permohonan Pengecualian SST' dan semua maklumat pembelian *prime mover* atau *container trailer*.
- 4.4 Seterusnya, pemohon hendaklah membuat pengesahan dengan klik kotak perakuan "SAYA DENGAN INI MENGAKU BAHAWA MAKLUMAT YANG DIISI ADALAH BENAR" sebelum klik 'HANTAR'.
- 4.5 Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan sekiranya diminta oleh pegawai cukai jualan.
- 4.6 Keputusan permohonan pengecualian akan diterima melalui emel dan status dalam MySST akan menjadi *Registered* atau *Rejected*.
- 4.7 *Haulage operator* hendaklah mengemukakan sijil pengecualian cukai jualan kepada pengilang berdaftar semasa membuat pembelian.

## 5. PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEMBELIAN

- 5.1 Setelah pembelian dibuat menggunakan sijil pengecualian yang diluluskan, pemohon hendaklah mengemaskini maklumat pembelian sebenar ke dalam sistem eVTEMS.
- 5.2 Tindakan mengemaskini maklumat pembelian sebenar hendaklah dilakukan oleh *haulage operator* bagi tujuan pelepasan sekatan pindah milik sekiranya *prime mover* atau *container trailer* yang telah diberikan pengecualian cukai jualan hendak dilupuskan, dipindah hak milik, dijual, dieksport atau diderma.
- 5.3 Maklumat yang perlu dikemaskini adalah seperti berikut:
- i. Nombor invois sebenar;
  - ii. Tarikh invois sebenar;
  - iii. Nilai belian kenderaan sebenar; dan
  - iv. Amaun pengecualian cukai sebenar

## 6. PROSEDUR PERMOHONAN PELEPASAN SEKATAN PINDAH MILIK

- 6.1 *Haulage operator* yang telah diberikan pengecualian cukai jualan hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah sekiranya ingin melupuskan, memindah hak milik, menjual, mengeksport atau menderma *prime mover* atau *container trailer* berkenaan.
- 6.2 Permohonan pelepasan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN) di zon/negeri/stesen yang mengawal dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
- 6.2.1 Surat permohonan pelepasan menggunakan kepala surat syarikat dengan menyatakan maklumat seperti di bawah:
- i. Maklumat kenderaan (jenama kenderaan, no.chasis, no. enjin).
  - ii. Alasan permohonan pelepasan.
  - iii. No.rujukan permohonan eVTEMS (SK-xxxxxxx).
- 6.2.2 Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama dokumen asal.
- 6.2.3 Salinan dokumen pembelian kenderaan (invois, resit, baucer bayaran) bersama dokumen asal.
- 6.3 Pemohon akan menerima Surat Penaksiran Cukai Jualan *Prime Mover / Container Trailer* Bagi Tujuan Pindah Milik yang perlu dibayar dan pembayaran hendaklah dibuat di kaunter juruwang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
- 6.4 Setelah pembayaran dibuat, pemohon perlu membuat permohonan pelepasan melalui sistem eVTEMS dengan memasukkan maklumat pembayaran seperti berikut:
- 6.4.1 Nilai belian
  - 6.4.2 Amaun cukai jualan
  - 6.4.3 No. resit cukai
- 6.5 Surat Penaksiran Cukai Jualan *Prime Mover / Container Trailer* Bagi Tujuan Pindah Milik dan resit bayaran hendaklah dikemukakan kepada pegawai cukai



jualan Bahagian CDN di zon/negeri/stesen yang mengawal supaya tindakan pelepasan sekatan pindah milik dapat dibuat. Seterusnya pemohon akan menerima makluman status permohonan pelepasan.

6.6 Pemohon boleh merujuk kepada carta alir proses permohonan Sijil Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Butiran 65, Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 di Lampiran 1 dan carta alir proses pelepasan sekatan pindah milik di Lampiran 2.

## **PERTANYAAN**


Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila hubungi:


Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)  
Tingkat 5, Tower A, Suasana PjH  
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2  
62100 Putrajaya.

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Laman Web eVTEMS : <https://evtems.customs.gov.my>
- (iii) Pusat Panggilan Kastam
  - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
  - Fax : 03-7806 7599
  - Email : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)

**PANDUAN PERMOHONAN  
SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN**





- i. Pemohon hantar permohonan secara bertulis ke Bahagian CDN Negeri
- ii. Pemohon perlu sertakan bersama dokumen sokongan

Pemohon akan menerima surat pemakluman penaksiran cukai jualan untuk tujuan bayaran

Pemohon hendaklah membuat bayaran cukai jualan di kaunter dan akan menerima resit bayaran

Pemohon perlu mengisi permohonan pelepasan di sistem eVTEMS

Terima pemakluman daripada pegawai kastam

Pemohon boleh membuat pertukaran hak milik di JPJ